

**KAJIAN KELEMAHAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA DI  
KALANGAN PELAJAR TAHUN SATU DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR  
SIBU**

Oleh :

**SINTAN ANAK LUGAT**

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang,  
Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan, bagi memenuhi sebahagian daripada  
keperluan Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MARA KAMPUS SAMARAHAN**

**OKTOBER 2000**

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca di kalangan pelajar Tahun Satu di kawasan luar bandar Sib. Matlamat kajian adalah membuat perbandingan pencapaian penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca antara tiga buah sekolah pilihan. Dua daripada sekolah ini tidak ada kemudahan pendidikan awal kanak-kanak serta serba kekurangan dari segi kemudahan asas. Di samping itu, kajian juga untuk mengesan beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca. Peranan masyarakat, kementerian pendidikan, jabatan, sekolah, serta pelajar sendiri terhadap perkembangan kemahiran membaca juga cuba mengaitkan prestasi pelajar. Sampel yang terdiri daripada seratus tujuh orang pelajar daripada tiga buah sekolah terlibat merupakan sampel yang telah dikenalpasti dapat menunjukkan kelemahan-kelemahan yang ingin dikaji. Persampelan yang digunakan adalah persampelan bersrata. Selain itu, temubual dan pemerhatian juga dilakukan untuk mendapat maklumat tambahan. Penilaian secara ujian lisan dan bertulis juga diadakan. Diharapkan kajian seumpama ini dapat menjadi panduan kepada pihak terbabit dalam mengatur strategi yang lebih baik serta sesuai dengan kebolehan kanak-kanak untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang jasmani emosi rohani, intelek,(JERI) .

## ISI KANDUNGAN KAJIAN

	Muka Surat
Abstrak kajian	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan Kajian	iii
Senarai Rajah	vii
Senarai Lampiran	viii
Senarai Singkatan	ix
 <b>BAB SATU : PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kawasan dan Skop Kajian	2
1.3 Latar Belakang Kajian	4
1.4 Penyataan Masalah	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Hipotesis	8
1.7 Matlamat Kajian	9
1.8 Andaian Kajian	9
1.9 Sorotan Literature	10
1.10 Kepentingan Kajian	11
1.11 Metodologi Kajian	12
1.12 Persampelan Berstrata	12
1.13 Konstren Kajian	13

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Umum sedar, bidang pendidikan merupakan bidang yang amat penting dalam kehidupan seseorang. Oleh itu sehingga kini ia masih menjadi isu utama sama ada oleh pihak atasan mahu pun masyarakat umum. Negara kita memerlukan tenaga kerja yang mahir dan berdaya saing dalam mengisi Wawasan 2020. Malah kita sering mendengar orang berkata bahawa kejayaan tidak akan datang bergolek dan kesenangan tidak akan datang melayang. Tidak ada satu pun cara mudah untuk mengecapi kejayaan seperti yang dikecapi oleh orang lain. Kajian saya ini lebih menjurus kepada penguasaan pelajar terhadap proses membaca yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat awal usia mereka.

Kajian saya ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar serta sikap mereka terhadap bidang bacaan. Selaras dengan peranan pengkaji sebagai pendidik, maka kajian seperti ini perlu diadakan dari semasa ke semasa. Kajian ini menjadi semakin menarik apabila saya menggabungkan tiga buah sekolah dengan pelbagai corak pemikiran pelajar serta kemudahan asas dalam menguasai kemahiran membaca. Selain itu, kajian ini ingin melihat pencapaian pelajar yang mempunyai pendidikan awal kanak-kanak dengan pelajar yang tidak ada melalui zaman seperti itu. Akhirnya timbul satu persoalan yang mengajak kita untuk mengetahui lebih lanjut kenapa masalah membaca masih menjadi agenda utama para pendidik dan penyelidik khasnya.



## **BAB DUA**

### **KAJIAN SEMULA PENULISAN(KAJIAN MENYELURUH)**

#### **2.0 Pengenalan**

Untuk mengenalpasti akan masalah yang dihadapi oleh para pelajar, kajian ini telah berusaha untuk menyediakan beberapa keadaan. Persoalannya kenapa kita atau kanak-kanak perlu membaca? Umum mengetahui kita perlu membaca untuk mengetahui sesuatu maklumat yang disediakan secara bertulis. Malah membaca juga memberi peluang kepada kita untuk mengetahui pengetahuan-pengetahuan am yang ada di sekeliling. Kanak-kanak perlu menguasai kemahiran membaca pada peringkat asas lagi. Namun demikian, terdapat banyak halangan kepada kanak-kanak untuk menguasai kemahiran ini. Selain daripada masalah-masalah yang akan dibincangkan nanti bidang pengamatan pelajar juga merupakan salah satu faktor utama yang harus ditekankan oleh para pengasuh atau pendidik dalam menanamkan sikap suka membaca kepada kanak-kanak.

#### **2.1 Definisi Membaca**

Membaca bermaksud menangkap pola bahasa itu dari perlambangan tulisannya. Malah dalam bahasa kedua, membaca sering diajarkan kepada pelajar yang sudah menguasai kemahiran menulis dalam bahasa itu sendiri.<sup>10</sup>